

28 JAN 2003

Jepun-Ijazah

MALAYSIA IKTIRAF 240 KURSUS IJAZAH PERTAMA JEPUN

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan sembilan bidang pengajian peringkat ijazah pertama dari 80 universiti di Jepun.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim berkata kelulusan itu, yang berkuatkuasa hujung tahun lepas, adalah kali pertama membabitkan pengiktirafan bagi sejumlah besar kursus ijazah dari negara itu.

Pengiktirafan itu membabitkan 240 kursus peringkat ijazah pertama dalam sembilan bidang pengajian, katanya pada sidang media di Kementerian Pendidikan, Pusat Bandar Damansara di sini, hari ini.

Bidang pengajian terbabit ialah farmasi, sains am, sains pertanian, sastera kemasyarakatan, arkitek laut, perikanan, perubatan, pergigian dan kejuruteraan.

Hon berkata Kementerian Pendidikan masih mengkaji beberapa bidang pengajian lagi yang sesuai dengan keperluan pendidikan semasa untuk diberi pengiktirafan dalam masa terdekat.

Kementerian Pendidikan menghantar pelajar tajaan JPA ke Jepun sejak 21 tahun lalu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur.

Pada masa ini, seramai 1,800 pelajar Malaysia tahun satu hingga tahun empat sedang menuntut di Jepun. Tahun lepas, Kementerian Pendidikan menghantar 200 pelajar baru ke sana yang sebahagian besarnya mengambil kursus sains, teknologi dan perubatan.

Terdahulu, Hon menerima kunjungan hormat pegawai bahagian pendidikan kedutaan Jepun di pejabatnya di Pusat Bandar Damansara dan diberi penerangan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti Jepun.

Turut serta pada kunjungan itu ialah Presiden Persatuan Bekas Mahasiswa Jepun, Malaysia (JAGAM), Datuk Dr K.L Siow.

Sementara itu, Siow mempelawa lebih ramai graduan lulusan pelbagai universiti dari Jepun berdaftar dengan JAGAM bagi membolehkan persatuan membantu graduan terbabit mendapatkan pekerjaan.

-- BERNAMA

BZ AFY AHH NAK